



## SOALAN LAZIM

### BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM) 2022

#### A. PERMOHONAN BAHARU / KEMASKINI BKM

1. **Saya telah membuat permohonan BPR 2021 sebelum ini dan telah membuat pilihan pendapatan isi rumah (RM1 – RM2,500). Semakan mendapati ruangan Pendapatan Kasar Bulanan Isi Rumah (Pemohon & Pasangan) BKM 2022 adalah RM0. Adakah saya perlu kemaskini semula pendapatan berkenaan?**

Bagi penerima BPR 2021 / BKC sebelum ini, ruangan pendapatan permohonan BKM 2022 akan dipaparkan dengan **amaun RM0**. Oleh itu, pemohon BKM 2022 perlu mengemaskini ruangan berkenaan berdasarkan pendapatan terkini Pemohon dan Pasangan.

Walau bagaimanapun, penentuan kelayakan BKM 2022 adalah berdasarkan semakan pendapatan dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

2. **Saya telah membuat permohonan baharu / kemaskini permohonan BKM dan telah Berjaya dihantar. Semakan mendapati maklumat yang dikemaskini adalah berbeza apabila telah Berjaya dihantar. Apakah tindakan yang perlu saya lakukan?**

Anda disarankan untuk membuat semakan semula selepas permohonan BKM Berjaya dihantar pada Portal Rasmi BKM > Log Masuk BKM / MyBKM. Sekiranya terdapat perbezaan maklumat, tindakan kemaskini semula perlu diambil. Ini berkemungkinan semasa tindakan permohonan diambil berkenaan berlaku masalah teknikal sistem.

#### B. CETAKAN PERMOHONAN BKM

3. **Kenapa perlu membuat cetakan selepas permohonan BKM berjaya dihantar?**

Cetakan permohonan BKM diwujudkan adalah bagi tujuan berikut:

- i. Bukti permohonan BKM telah Berjaya dihantar; atau
- ii. Rujukan bagi menjawab soalan keselamatan semasa pendaftaran MyBKM atau terlupa kata laluan; atau
- iii. Semakan maklumat yang telah dibuat kemasukan data semasa permohonan BKM 2022. Sekiranya terdapat perbezaan, semakan semula permohonan dengan Log Masuk BKM > Kemaskini Maklumat atau Cetakan

4. **Apakah fungsi Paparan Senarai Dokumen Sokongan BKM?**

Paparan senarai Dokumen Sokongan pada cetakan Permohonan BKM 2022 adalah sebagai rujukan dokumen Sokongan yang diperlukan mengikut kategori permohonan BKM 2022 yang dibuat.

Sekiranya dokumen Sokongan berkenaan belum dikemukakan, pemohon boleh memuatnaik pada Portal Rasmi BKM atau kemukakan kepada Cawangan LHDNM.

## SENARAI DOKUMEN SOKONGAN

Nama: [REDACTED]

No. My Kad: [REDACTED]

Sijil Kahwin	
Sijil Ceraf / Kematian Pasangan	
Pengesahan Pasangan	
Pengesahan Status Pelajar Anak	
Sijil Lahir Anak	

**C. PETI MEL****5. Apakah fungsi Peti Mel pada MyBKM?**

Peti Mel mengandungi maklumat seperti berikut:

Bil.	Perkara	Keterangan
1.	Peringatan	Peringatan berkenaan BKM 2022
2.	Makluman	Makluman terkini berkaitan BKM
3.	Surat	Pemakluman tindakan yang telah diambil oleh pemohon pada permohonan BKM 2022 termasuk Akuan Penerimaan Borang Permohonan BKM 2022

**D. SEMAKAN STATUS****6. Apakah maksud status yang wujud pada paparan semakan status BKM 2022?**

Paparannya semakan BKM 2022 adalah merujuk kepada status permohonan BKM 2022 yang

Bil.	Perkara	Keterangan
1.	Status Pedalaman	Akan dipaparkan (Y) sekiranya pemohon dikategorikan sebagai Pedalaman
2.	Status Permohonan	<b>Permohonan Diterima</b> merujuk kepada Permohonan telah wujud pada BKM 2022 dan masih belum melalui proses semakan kelulusan BKM 2022